

*Artikel*

**Kesan Limpahan Pembangunan Wilayah Kuala Lumpur Terhadap Ekonomi Dan Sosial Masyarakat Kampung Baru, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

*(Developmental Spread of Kuala Lumpur Territory in relation to the Economic and Social Wellbeing of the Kampung Baru Community, Kuala Lumpur Federal Territory)*

Muhammad Yazid Samion<sup>1</sup>, Zurinah Tahir<sup>1\*</sup>, Azmi Aziz<sup>1</sup> & Zaizul Ab. Rahman<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Program Sains Pembangunan, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [zurinahtahir@ukm.edu.my](mailto:zurinahtahir@ukm.edu.my)

**Abstrak:** Pembangunan adalah salah satu usaha untuk mengubah masyarakat atau negara daripada mundur kepada maju. Terdapat beberapa jenis pembangunan. Pembangunan meliputi pelbagai aspek kehidupan manusia seperti pembangunan sosial dan ekonomi. Oleh itu pembangunan dari segi sosioekonomi haruslah diseimbangkan bagi memberikan kesan yang positif kepada masyarakat khususnya supaya masyarakat dapat hidup dalam keadaan sejahtera. Kajian yang dijalankan adalah untuk mengkaji kesan sosioekonomi pembangunan Lumpur Lumpur terhadap penduduk Kampung Baru. Skop kajian ini tertumpu di Kampung Baru dengan tumpuan terhadap kesan sosioekonomi yang dialami penduduk di Kampung Baru terhadap pembangunan Wilayah Kuala Lumpur. Kajian berbentuk kuantitatif dipilih dimana sejumlah 375 responden dipilih daripada 18372 populasi mengikut jadual Krejcie & Morgan (1970). Responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada penduduk Kampung Baru itu sendiri tanpa mengira kawasan. Seterusnya, data yang diperolehi dianalisis oleh pengkaji menggunakan perisian SPSS, analisis frekuensi deskriptif dan interpretasi skor min. Kesan pembangunan dibahagikan mengikut indikator iaitu ekonomi dan sosial. Dalam indikator sosial, terdapat empat bahagian iaitu infrastruktur dan sosial, perumahan, keselamatan dan kesihatan. Manakala bagi indikator ekonomi pula adalah pendapatan dan pekerjaan. Kesimpulannya berdasarkan hasil analisis kajian menunjukkan bahawa pembangunan yang dijalankan di Wilayah Kuala Lumpur memberi banyak impak positif bukan sahaja pada aspek sosial, malah aspek ekonomi juga memberikan banyak impak positif kepada penduduk Kampung Baru hasil daripada kesan pembangunan. Diharapkan pembangunan yang dibangunkan di Kampung Baru mampu memberikan manfaat yang berterusan kepada penduduk di Kampung Baru. Implikasi kajian ini amat penting dalam konteks keseimbangan pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat Kampung Baru, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam menghadapi cabaran pada masa akan datang.

**Kata kunci:** Pembangunan, Ekonomi, Sosial, Masyarakat, Kampung

**Abstract:** A community or country can advance through a variety of progressive developments that include various facets of living linked to social and economic aspects. Hence, favorable developments from the socio-economic perspectives need to be seen as providing a positive impact on the well-being of the community. A study was undertaken to examine the socioeconomic influences of the development of Kuala Lumpur on the residents of Kampung Baru, a community in the city. The quantitative study involved 375 respondents from a population of 18,372, the sample size being determined by the table of Krejcie & Morgan (1970). The data collected from the respondents in various parts of Kampung Baru were analyzed using SPSS software for descriptive frequencies and mean scores. The developmental effects were categorized according to economic and social indicators. The social indicators comprised four divisions, viz. infrastructure and social aspects, housing, security, and health, while the economic indicators were reflected by income and occupation. The findings of the study indicated that the development carried out in the Kuala Lumpur Territory had positive impacts, not only socially but also economically, on the residents of Kampung Baru. It is hoped that future developments impinging on Kampung Baru will continue to provide benefits to its residents. The implications of this study are important in the context of future developmental impacts on this community and the challenges it will face.

**Keywords:** Development, Economic, Social, Community, Village

---

## Pengenalan

Pembangunan adalah salah satu indikator yang penting dalam mencapai kemajuan sesebuah negara. Pembangunan merangkumi pelbagai aspek yang merangkumi banyak perkara yang diperlukan demi memastikan kemajuan sesebuah negara dapat dicapai. Kepesatan pembangunan memberikan impak yang positif khususnya kepada masyarakat setempat. Pembangunan wilayah yang dilaksanakan secara berterusan dapat meningkatkan kualiti kehidupan serta kemakmuran masyarakat di sesebuah kawasan (Khofizhoah, 2019). Bagi menampung pertambahan bilangan penduduk yang tinggi akibat kepesatan pembangunan sesuatu kawasan, maka semakin banyak kemudahan kesihatan seperti klinik dan hospital yang diperlukan. Tahap kesihatan penduduk kawasan pinggir bandar semakin tinggi berikutan mudah bagi mereka mendapatkan akses kesihatan kerana jarak yang tidak terlalu jauh dari kediaman mereka. Kesihatan adalah berhubung secara langsung dengan sihat, kesegaran dan kebaikan keadaan badan. Selain itu, peningkatan kegiatan ekonomi di kawasan pembangunan akan meningkatkan taraf kehidupan penduduk di pinggir bandar menerusi peluang pekerjaan yang banyak ditawarkan di kawasan bandar yang merangkumi pelbagai sektor seperti perkilangan, perkhidmatan dan sebagainya. Hal ini akan menyebabkan taraf kehidupan rakyat meningkat bagi meneruskan kelangsungan hidup.

Dalam kita menfokuskan impak limpahan pembangunan dari sudut yang positif, tidak dapat lari juga impak negatif limpahan pembangunan dari aspek sosioekonomi. Pembangunan berpocket boleh terjadi kesan daripada impak limpahan pemandaran pada aspek sosial. Hal ini akan menyebabkan kampung-kampung tradisi akan lupus, menjejaskan kualiti dan corak hidup penduduk yang tinggal di pinggir bandar dan suasana kejiranan akan lenyap. Kampung-kampung akan terhimpit akibat pembangunan fizikal bandaraya yang mengorbankan tanah penduduk kampung kesan daripadan permintaan guna tanah yang meningkat untuk dijalankan projek pembangunan yang baru (Anuar, 2006). Pada aspek ekonomi pula dapat dilihat impak limpahan pemandaran menjejaskan kawasan pertanian di pinggir bandaraya yang

dibangunkan kepada pembangunan industri, perumahan, perniagaan dan sebagainya. Hal ini terjadi akibat daripada permintaan guna tanah bandar yang semakin meningkat.

### **Kajian Literatur**

Kepesatan pembangunan dalam sesuatu wilayah akan menyebabkan berlaku satu fenomena iaitu berlaku limpahan pembangunan dalam bentuk penyelerakan aktiviti guna tanah bandar atau 'urban overspill' ke kawasan pinggir bandar seperti kampung-kampung. Limpahan pembangunan yang berlaku adalah dalam bentuk pembangunan pesat pembangunan ke luar melebihi sempadan bandar yang ditentukan. Berlaku perubahan sebahagian besar kawasan pinggir bandar yang dianggap sebagai zon peralihan (transition zone) kepada ciri-ciri bandar dalam aspek fizikal dan juga bukan fizikal. Aspek persekitaran fizikal kediaman, sosioekonomi dan sosiobudaya penduduk mengalami perubahan umum ciri-ciri bandar yang ketara kepada penduduk kampung yang terletak di pinggir bandar (Anuar, 2006)

Limpahan pembangunan di pinggir bandar berlaku akibat ketepuan tanah bandar kesan daripada kerancangan pertumbuhan pembangunan di kawasan bandar yang tidak mampu lagi menampung aktiviti pembangunan. Limpahan pembangunan dapat memberikan kesan yang positif di pinggir bandar yang mampu meningkatkan taraf kehidupan masyarakat tersebut. Dalam melihat kesan positif limpahan pembangunan, tidak dinafikan wujud kesan negatif di sebaliknya, pembangunan tidak terancang yang dibangunkan akan memberi ancaman kualiti hidup masyarakat pinggiran. Kesan daripada masalah perbandaran yang tidak terkawal akan mewujudkan peningkatan gejala sosial yang boleh merosakkan ketamadunan manusia, pelbagai masalah jenayah yang semakin sukar dibendung, isu-isu pencemaran alam sekitar, banjir kilat, kenaikan harga hartanah dan pencerobohan penggunaan tanah serta kesesakan lalu lintas (Samruhaizad, Jamaluddin & Azahan, 2014). Hal ini jelas menunjukkan limpahan pembangunan terhadap pinggir bandar tidak semestinya memberikan kesan yang positif malah boleh memberikan kesan yang negatif juga jika pembangunan yang tidak terancang dibangunkan.

#### **1. Sosioekonomi**

Melalui aktiviti komuniti dalam bidang ekonomi termasuk faktor-faktor ekonomi dan masyarakat, dapat melihat sosioekonomi masyarakat yang bertujuan untuk mencipta punca pendapatan kepada ahli masyarakat. Oleh hal yang demikian, aktiviti ini akan memberi kesan secara langsung atau tidak terhadap perubahan yang baik mahupun sebaliknya (Aki et al., 2015). Sosioekonomi merupakan penilaian kompleks diukur dalam pelbagai diukur dalam pelbagai cara yang menyumbang kepada pengalaman kerja, ekonomi dan kedudukan sosial berhubung dengan orang lain, pendidikan serta pekerjaan. Ia merupakan ukuran komposit kedudukan ekonomi dan sosiologi individu. (Winters-Miner, 2015). Status sosioekonomi ini telah menjadi penentu kesihatan yang terbaik; sebagai peraturan asas di mana orang berharta mempunyai kecenderungan untuk memiliki taraf kesihatan yang lebih baik berbanding dengan orang yang miskin (Erreygers, 2012).

#### **2. Sosial**

Menurut Jouke J. Lasut, Joris Pangi dan Cornelius J. Paat (2020), perkataan sosial merupakan perkataan yang berasal daripada "socius" yang bermaksud kawan. Setiap manusia yang dilahirkan mempunyai kemampuan yang dimilikinya yang kemudiannya akan memulakan kehidupan antara satu sama lain dan seterusnya perpaduan akan dibina bersama. Hal ini demikian kerana manusia hidup bersama secara berkumpulan yang saling memerlukan antara satu sama lain. Oleh itu manusia disebut sebagai makhluk sosial.

### 3. Infstruktur dan fasiliti

Pembangunan infrastruktur di sesuatu kawasan bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk termasuk peningkatan dalam pendapatan, peningkatan dalam taraf pekerjaan dan pendidikan (Noraniza, Azlizan dan Yusuf, 2011). Pembangunan infrastruktur yang dijalankan meliputi banyak aspek yang ditambah baik daripada sebelumnya di sesuatu kawasan yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk di sesuatu kawasan. Frishchmann (2006: 923-928) menyatakan bahawa istilah “infrastruktur” kebiasaanya dianggap sebagai sistem-sistem sumber fizikal dilaksanakan oleh manusia bagi penggunaan awam. Terdapat dua pembahagian sumber-sumber infrastruktur iaitu “infrastruktur tradisional” dan “infrastruktur bukan tradisional”. Sumber-sumber yang terdiri daripada (1) sistem-sistem pengangkutan seperti sistem-sistem lebuh raya, landasan kereta api, sistem-sistem penerbangan, dan pelabuhan; (2) sistem-sistem komunikasi, misalnya rangkaian-rangkaian telefon dan perkhidmatan perkhidmatan pos; (3) sistem-sistem pemerintahan, misalnya sistem-sistem mahkamah; dan (4) kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan awam asas, misalnya sekolah-sekolah, pembentungan, dan sistem-sistem air. Manakala sumber-sumber “infrastruktur bukan tradisional” adalah terdiri daripada (1) sumber-sumber bersifat persekitaran/berkenaan alam sekitar seperti tasik-tasik, atmosfera, dan ekosistem; (2) sumber-sumber maklumat, misalnya penyelidikan asas, idea-idea abstrak, dan sistem-sistem operasi; dan (3) sumber-sumber internet, misalnya rangkaian-rangkaian komputer.

### 4. Perumahan

Umum mengetahui bahawa rumah merupakan keperluan asas yang dijadikan sebagai tempat berlindung serta merupakan keperluan peringkat kedua yang harus dicapai. Selain itu, Rumah sebagai keperluan diri dan keluarga bertindak sebagai sempadan fizikal, yang memisahkan antara satu keluarga dengan keluarga yang lain manakala perumahan pula membawa maksud keperluan asas untuk memastikan kesejahteraan hidup rakyat sentiasa terpelihara (Ismail, 1999; Hadi, 2003) Perumahan perumahan ditakrifkan sebagai sebuah kawasan yang terdiri daripada beberapa unit rumah dan juga kemudahan-kemudahan lain yang disediakan untuk kegunaan penduduknya. Penghuni kawasan perumahan tersebut menggunakan kawasan perumahan bagi tujuan kediaman. Tidak dilupakan juga aspek keselamatan juga turut menjadi asas dalam sesuatu perumahan, sebelum keperluan-keperluan yang lain dalam peringkat yang lebih tinggi dapat dipenuhi.

Di samping itu, rumah juga boleh membawa maksud sebagai struktur fizikal atau bangunan untuk perlindungan jasmani dan rohani serta keadaan sosialnya yang baik dan penting untuk menjamin kesihatan individu dan keluarga (WHO, 2001). Hal ini membawa maksud rumah sememangnya tempat yang dijamin sebagai tempat yang paling selamat dalam menjalankan kehidupan seharian. Kepentingan perumahan boleh dilihat sebagai agenda utama pembangunan bagi setiap negara di dunia. Hal ini demikian kerana perumahan berkait rapat dengan sosio-ekonomi, politik, kejurangan, dan persekitaran yang bukan sahaja merupakan struktur fizikal yang menyediakan perlindungan kepada penghuninya.

### 5. Keselamatan

Keselamatan didefinisikan sebagai situasi yang tidak bahaya, tiada ruang yang boleh menyebabkan berlakunya bahaya dan keadaan yang tidak berisiko dengan kemalangan (Holt, 2005). Hal ini bermaksud, keselamatan adalah situasi yang bebas berlakunya apa apa perkara yang bahaya. Di samping itu, keselamatan juga bermaksud suatu keadaan di mana suasana kerja itu selamat dan bebas daripada risiko berlakunya kemalangan (Raudhiah, Nakiah & Hashim 2015)

Selain itu, keselamatan juga membawa maksud langkah-langkah yang diambil oleh seseorang individu untuk mengelakkan diri daripada terlibat dengan kemalangan, kecederaan atau kematian (Nor Suhaily et al., 2018). Dapat disimpulkan bahawa individu yang sentiasa mengamalkan tahap keselamatan yang tinggi tak kira di mana dia berada akan menyebabkan risiko berlaku kemalangan dapat diminimumkan.

## 6. Kesihatan

Perkataan kesihatan (*health*) lahir daripada perkataan 'hale' dan 'whole'. Terdapat aspek-aspek dalam 'whole' iaitu badan (fizikal), minda (mental), perasaan dan jiwa. Kenyataan ini menunjukkan bahawa konsep kesihatan adalah konsep yang menggambarkan keseluruhan yang terdiri dari beberapa aspek. Aspek-aspek ini pula adalah saling berkait rapat bagi menghasilkan konsep kesihatan keseluruhan atau kesihatan umum. tan adalah satu konsep yang menyeluruh yang terdiri daripada pelbagai aspek. Pada aspek fizikal, komponen ini mempunyai kaitan dengan keadaan badan seseorang iaitu bentuk badan seseorang dan juga kebolehan individu melaksanakan tugas. Kesihatan mental pula bermaksud kebolehan individu itu Boleh Berfikir Dengan Baik Iaitu Pemikiran Yang Rasional Dalam Menangani Sesuatu Masalah. Kesihatan mental pula adalah kebolehan untuk berfikir dengan baik. Hal ini membawa maksud pemikiran yang rasional dan juga kebolehan intelektual dalam menangani masalah (Md Safian 2007).

## 7. Ekonomi

Adam Smith memberi definisi ekonomi kapitalis adalah sebuah sistem ekonomi yang mempunyai ciri pemilikan individu untuk memperoleh keuntungan dalam persekitaran yang kompetitif terhadap kaedah pengeluaran, pengedaran dan penggunaan (Zainol Hasan & Mahyudi 2020). Hal ini jelas menunjukkan bahawa dalam ekonomi kapitalis, individu yang terlibat sektor ekonomi hanya mementingkan hanya keuntungan semata-mata sahaja. Setiap individu bersifat materialistik yang hanya mementingkan kekayaan individu sahaja.

Sektor perniagaan merupakan salah satu sektor yang terdapat dalam sektor ekonomi, Menurut Rosniza Aznie (2015), bandar kecil berperanan sebagai pusat perkhidmatan kepada masyarakat luar bandar yang berperanan penting dalam pembangunan. Hal ini menyebabkan berlaku perubahan kepada rupa fizikal, struktur bandar dan sebagainya akibat pertumbuhan sektor perniagaan yang semakin berkembang. Kekurangan peluang dan akses pekerjaan bagi penduduk boleh berlaku akibat daripada perubahan sektor ekonomi. Sebilangan besar penduduk asal tidak mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. Penduduk di tempat pembangunan dijangka telah kehilangan mata pencarian kerana mereka hanya mempunyai pengetahuan dan pengalaman sebagai peladang. Perubahan sektor ekonomi ini berlaku daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada perindustrian.

## Metodologi

Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah kuantitatif. Pengkaji menggunakan borang soal selidik sebagai sumber primer untuk mendapatkan persepsi terhadap kesan ekonomi dan kesan sosial pembangunan di Kampung Baru. Responden yang terlibat adalah dipilih secara rawak di sekitar kawasan Kampung Baru. Hal ini bermaksud pengagihan borang soal selidik kepada penduduk Kampung Baru adalah secara rawak tanpa mengikut jenis Kampung yang terdapat di Kampung Baru. Borang soal selidik akan diagihkan kepada penduduk orang responden bagi mendapatkan pandangan penduduk Kampung Baru. Borang soal selidik yang

diedarkan terdiri daripada demografi responden, pendapatan responden, pandangan tentang kesan pembangunan Kampung Baru dari segi ekonomi dan sosial.

### 1. Data Primer

Data yang diperolehi daripada kajian ini merupakan data yang mengandungi maklumat yang terperinci tentang apa yang dikaji. Pengkaji membina borang soal selidik dengan membahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu bahagian A dan bahagian B. Pada bahagian A merupakan bahagian yang merangkumi demografi responden seperti jantina, bangsa, agama, umur, tahap pendidikan, dan pekerjaan. Pada bahagian B pula adalah bahagian borang soal selidik berkenaan dengan objektif kajian iaitu mengkaji kesan sosioekonomi pembangunan Lumpur Lumpur terhadap penduduk Kampung Baru.

### 2. Data Sekunder

Bagi memperolehi maklumat yang lebih spesifik serta mendalam, kajian yang dilaksanakan haruslah memerlukan data sekunder supaya dapat membantu pemahaman pengkaji terhadap kajian yang dilaksanakan serta memperoleh maklumat yang dapat menyokong teori dan hasil kajian. Pengkaji menggunakan sumber sekunder dalam mendapatkan maklumat bagi melengkapkan kajian ini. Kaedah kajian yang dilakukan dalam sumber sekunder adalah melalui artikel, jurnal, surat khabar, laman web, buku, buku ilmiah serta bacaan daripada internet untuk mengukuhkan lagi maklumat bagi memenuhi keperluan topik kajian yang akan dilaksanakan.

### 3. Rekabentuk Persampelan Dan Prosedur

Pada bahagian ini, rekabentuk persampelan dan prosedur dalam pelaksanaan kajian yang hendak dijalankan akan dibincangkan. Pengkaji akan mengambil sebahagian kecil populasi bagi menjalankan penyelidikan serta pemerhatian. Selain itu, pengkaji juga turut membuat generalisasi daripada populasi yang diwakili oleh saiz sampel tersebut. Dalam bahagian ini akan diterangkan tentang jumlah saiz sampel kajian dan jumlah populasi kajian yang dilaksanakan semasa melakukan kajian ini. Selepas bahagian ini diterangkan, kaedah-kaedah bagaimana pengkaji bagaimana pengkaji menentukan saiz sampel dalam kajian yang dilaksanakan akan ditunjukkan. Menurut bancian Perbadanan Pembangunan Kampung Baru adalah seramai 18372 orang pada tahun 2010.

## Hasil Kajian

### 1. Infrstruktur Dan Fasiliti

Pada bahagian infrastruktur, terdapat empat pernyataan yang berbeza-beza dinyatakan kepada responden-responden di kawasan Kampung Baru. Pada kategori infrastruktur dan fasiliti mencatatkan min sebanyak 4.74. Pada pernyataan pertama yang dilampirkan pada jadual 4.6 adalah infrastruktur dan fasiliti di Kampung Baru semakin meningkat. Nilai min yang dicatatkan pada pernyataan ini adalah sebanyak 4.82. Bagi pernyataan pertama, hampir kesemua responden sangat setuju dengan pernyataan ini iaitu seramai 119 orang responden yang bersamaan dengan 86.2%. Pada skala kedua kedua tertinggi pula adalah pada skala setuju iaitu seramai 15 orang yang mewakili 10.9%. Seterusnya diikuti pula skala sederhana setuju yang mempunyai peratusan dan bilangan sebanyak 2.2% (3 orang). Tiada responden yang dicatatkan pada skala tidak setuju namun terdapat seorang responden yang memilih skala sangat tidak setuju 0.7%. Daripada hasil analisis pada

pernyataan pertama menunjukkan dengan pembangunan pesat di Wilayah Kuala Lumpur menyebabkan infrastruktur di kawasan Kampung Baru berada pada tahap yang terbaik.

Selain itu, pada pernyataan kedua iaitu pernyataan kemudahsampaian penduduk Kampung Baru terhadap kawasan sekitar semakin meningkat mencatatkan nilai sebanyak 4.75. Dalam pernyataan ini menunjukkan sebilangan besar responden sangat setuju iaitu mencatatkan jumlah peratusan dan bilangan responden sebanyak 78.3% (108 orang). Seterusnya pada skala kedua tertinggi pula adalah pada skala setuju iaitu seramai 28 orang responden yang bersamaan dengan 20.3%. Pada skala sederhana setuju pula menunjukkan tiada seorang responden yang memilih skala ini. Skala tidak setuju dan sangat tidak setuju menunjukkan bilangan responden yang sama dicatatkan iaitu mencatatkan jumlah peratusan dan bilangan responden sebanyak 0.7% (1 orang). Hasil analisis pada pernyataan kedua menunjukkan Penduduk di Kampung Baru tidak menghadapi sebarang masalah untuk bergerak ke sesuatu destinasi hasil daripada pembangunan yang sangat pesat di Wilayah Kuala Lumpur.

Seterusnya, bagi pernyataan rangkaian komunikasi di kawasan Kampung Baru dengan kawasan luar semakin baik. Jumlah min yang dicatatkan pada pernyataan ini adalah sebanyak 4.64. Pada pernyataan menunjukkan sebilangan besar responden sangat setuju dengan dengan mencatatkan jumlah bilangan responden seramai 91 orang responden yang bersamaan dengan 65.9%. Skala kedua tertinggi pula dicatatkan pada skala setuju iaitu mencatatkan responden seramai 28 orang responden yang mewakili 20.3%. Terdapat segelintir responden yang memilih skala sederhana setuju iaitu hanya 2 orang sahaja responden yang bersamaan dengan 1.4%. Tiada responden yang memilih skala sangat tidak setuju dan tidak setuju pada pernyataan ini. Kesimpulannya mutu rangkaian komunikasi masyarakat di Kampung Baru berada pada tahap yang paling terbaik kesan daripada kemajuan pembangunan Wilayah Kuala Lumpur yang berlaku berhampiran di kawasan ini.

Bagi pernyataan jaringan internet di kawasan Kampung Baru semakin laju mencatatkan jumlah nilai min sebanyak 4.67. Hasil daripada pernyataan ini menunjukkan bahawa lebih daripada separuh jumlah responden sangat setuju iaitu seramai 96 orang responden yang mencatatkan peratusan sebanyak 69.6%. Selain itu, skala setuju dan sederhana setuju mencatatkan jumlah responden dan peratusan sebanyak 38 orang responden (27.5%) dan 4 orang responden (2.9%). Manakala tiada seorang responden yang dicatatkan pada skala tidak setuju dan sangat tidak setuju. Oleh hal yang demikian, perkara ini jelas menunjukkan bahawa jaringan internet di kawasan Kampung Baru juga semakin baik dan dapat dicapai dari segenap kawasan.

Bagi pernyataan yang terakhir pada aspek infrastruktur dan fasiliti adalah urusan harian bagi masyarakat Kampung Baru semakin mudah dengan peningkatan infrastruktur menunjukkan nilai min sebanyak 4.81. Pada pernyataan ini menunjukkan hampir keseluruhan responden sangat setuju yang mencatatkan seramai 112 orang responden yang mewakili 81.2%. Bagi skala kedua tertinggi dicatatkan pada skala setuju yang menunjukkan jumlah responden seramai 26 orang responden yang mewakili 18.8%. Namun pada skala sederhana setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju menunjukkan tiada responden yang memilih pernyataan ini. Hasil analisis bagi pernyataan ini menunjukkan bahawa infrastruktur yang dibangunkan kesan daripada pembangunan Wilayah Kuala Lumpur sememangnya dapat memudahkan urusan masyarakat setempat di Kampung Baru.

Pada kategori untuk infrastruktur dan fasiliti pula menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu sebanyak 4.82 pada pernyataan infrastruktur meningkat. Oleh hal yang demikian, min yang tinggi pada pernyataan infrastruktur meningkat menunjukkan bahawa pembangunan yang berlaku menunjukkan infrastruktur sangat diperlukan apabila sesuatu pembangunan berlaku. Noraniza (2011) menyatakan bahawa pembangunan in-

frastruktur di sesuatu kawasan bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk termasuk peningkatan dalam pendapatan, peningkatan dalam taraf pekerjaan dan pendidikan.

Jadual 1. Infrastruktur dan Fasiliti

Perkara	STS	TS	SS	S	SS	Skor Min
Infrastruktur Dan Fasiliti di Kampung Baru semakin meningkat.	1 0.7%	-	3 2.2%	15 10.9%	119 86.2%	4.82
Kemudahan penduduk Kampung Baru terhadap kawasan sekitar semakin meningkat.	1 0.7%	1 0.7%	-	28 20.3%	108 78.3%	4.75
Rangkaian komunikasi di kawasan Kampung Baru dengan kawasan luar semakin baik.	-	-	2 1.4%	45 32.6%	91 65.9%	4.64
Jaringan internet di kawasan Kampung Baru semakin laju.	-	-	4 2.9%	38 27.5%	96 69.6%	4.67
Urusan harian bagi masyarakat Kampung Baru semakin mudah dengan peningkatan infrastruktur	-	-	-	26 18.8%	112 81.2%	4.81
Min Keseluruhan/ Sisihan Piawaian Keseluruhan						4.73

## 2. Perumahan

Kategori yang seterusnya pula adalah aspek perumahan. Berdasarkan jadual 4.7 ini, jumlah keseluruhan min yang dicatatkan adalah sebanyak 4.48. Pada pernyataan pertama pada aspek perumahan adalah berlaku peningkatan perkembangan sektor perumahan di kawasan Kampung Baru menunjukkan nilai min sebanyak 4.61. Sebilangan besar responden sangat setuju dengan mencatatkan bilangan responden sebanyak 96 orang responden yang bersamaan dengan 69.9%. Pada skala setuju pula menunjukkan bilangan responden memilih skala ini seramai 34 orang responden dan mencatatkan peratusan sebanyak 24.6%. Seterusnya pada skala sederhana setuju dan tidak setuju mencatatkan jumlah responden yang sama iaitu seramai 4 orang responden yang mewakili 2.9%. Tiada responden yang dicatatkan pada skala sangat tidak setuju, Daripada dapatan kajian pada pernyataan pertama jelas menunjukkan perkembangan pembangunan di Wilayah Kuala Lumpur menyebabkan peningkatan sektor perumahan di kawasan Kampung Baru.

Seterusnya, pada pernyataan berlaku peningkatan pelbagai jenis perumahan baharu di kawasan Kampung Baru mencatatkan nilai min sebanyak 4.46. Pada pernyataan ini jumlah responden yang tertinggi dicatatkan pada skala Sangat Setuju dan Setuju. Kedua-dua skala ini mencatatkan bilangan responden dan peratusan 72 orang responden (52.2%) dan 59 orang responden (42.8%). Pada pernyataan sederhana setuju pula mencatatkan jumlah responden seramai 5 orang iaitu bersamaan dengan 3.6%. Manakala bagi pernyataan Tidak Setuju pula hanya 2 orang responden sahaja yang memilih skala ini iaitu bersamaan dengan 1.4%. Akhir sekali pada pernyataan sangat tidak setuju pula menunjukkan tiada responden yang dicatatkan. Hasil daripada dapatan pada pernyataan kedua menunjukkan sektor perumahan di kawasan Kampung Baru yang semakin berkembang jelas menunjukkan bahawa jenis-jenis perumahan yang dibangunkan di kawasan Kampung Baru



ini semakin mempunyai kepelbagaian bagi menampung jumlah penduduk yang semakin meningkat saban hari.

Selain itu, bagi pernyataan seterusnya iaitu penduduk mudah untuk mendapatkan rumah di kawasan Kampung Baru mencatatkan nilai min sebanyak 4.43. Dapat dilihat sebahagian besar responden Sangat Setuju dengan pernyataan ini iaitu seramai 84 orang responden yang bersamaan dengan 60.9%. Selain itu, skala kedua yang tertinggi dicatatkan pada skala Setuju iaitu seramai 42 orang responden yang mewakili 30.4%. Manakala pada skala Sederhana Setuju pula mencatatkan bilangan responde seramai 4 orang responden iaitu bersamaan dengan 2.9%. Bagi skala Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju mencatatkan bilangan responden dan peratusan sebanyak 3 orang responden (2.2%) dan 5 orang responden (3.6%). Hasil analisis bagi pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa hampir keseluruhan responden mudah untuk mendapatkan rumah yang mereka kehendaki namuk terdapat juga segelintir responden yang sukar mencari rumah yang mereka kehendaki di Kampung Baru.

Bagi pernyataan pembangunan Wilayah Kuala Lumpur memberi pengaruh dalam corak petempatan atau perumahan di sekitar kawasan Kampung Baru menunjukkan jumlah min yang dicatatkan adalah sebanyak 4.43. Bagi pernyataan ini, lebih daripada separuh jumlah keseluruhan responden Sangat Setuju iaitu seramai 74 orang responden dan mencatatkan peratusan sebanyak 53.6%. Diikuti pula pada skala Setuju iaitu seramai 52 orang responden yang mewakili 37.7%. Bagi skala Sederhana Setuju dan juga Tidak Setuju mencatatkan bilangan responden dan peratusan sebanyak 9 orang (6.5%) dan 3 orang (2.2%). Akhir seklai, pada skala Sangat Tidak Setuju pula menunjukkan tiada seorang responden yang dicatatkan pada skala ini. Perkara yang dapat disimpulkan daripada pernyataan ini adalah kemajuan daripada Pembangunan Wilayah Kuala Lumpur memberi pengaruh kepada corak peletakan rumah dan penduduk yang berubah dari hari ke hari seiring dengan pembangunan fizikal kawasan Gelang Patah ini.

Pernyataan terakhir adalah harga perumahan di sekitar kawasan Kampung Baru semakin meningkat. Pada pernyataan ini menunjukkan nilai min adalah sebanyak 4.47. Sebilangan besar responden Sangat Setuju dengan pernyataan ini iatu mencatatkan bilangan responden seramai 78 orang yang bersamaan dengan 56.5%. Seterusnya diikuti pula pada skala Setuju iaitu seramai 49 orang responden yang mewakili 35.5%. Manakala pada skala Sederhana Setuju dan Tidak Setuju pula mencatatkan jumlah responden dan peratusan sebanyak 9 orang responden (5.4%) dan 2 orang responden (1.4%). Akhir sekali bagi pernyataan Sangat Tidak Setuju pula menunjukkan tiada seorang responden yang dicatatkan pada skala ini. Kesimpulannya, pembangunan pesat di Wilayah Kuala Lumpur menyebabkan permintaan rumah di kawasan sekitarnya akan meningkat dan akhirnya akan menyebabkan harga rumah di kawasan Kuala Lumpur akan meningkat termasuk di Kampung Baru.

Pada kategori perumahan mencatatkan nilai min tinggi bagi harga perumahan semakin meningkat iaitu sebanyak 4.47. Jumlah min yang dicatatkan ini jelas sekali menunjukkan bahawa pembangunan yang berlaku di Wilayah Kuala Lumpur menyebabkan harga perumahan di kawasan sekitarnya termasuk di Kampung Baru meningkat. Salah satu faktor yang menyebabkan harga rumah semakin meningkat adalah permintaan terhadap perumahan meningkat. Perkara ini disokong pula oleh kajian Stapa & Yusof (2012) yang menyatakan bahawa aspek yang mempengaruhi peletakan harga rumah adalah persekitaran sosial. Hal ini menunjukkan bahawa persekitaran sosial di Kampung Baru yang dihuni oleh kamu melayu menyebabkan harga rumah di Kampung Baru meningkat.

Jadual 2. Perumahan

Perkara	STS	TS	SS	S	SS	Skor Min
Berlaku peningkatan perkembangan sektor perumahan di kawasan Kampung Baru.	-	4 2.9%	4 2.9%	34 24.6%	96 69.6%	4.61
Berlaku peningkatan pelbagai jenis perumahan baharu di kawasan Kampung Baru.	-	2 1.4%	5 3.6%	59 42.8%	72 52.2%	4.46
Penduduk mudah untuk mendapatkan rumah di kawasan Kampung Baru.	5 3.6%	3 2.2%	4 2.9%	42 30.4%	84 60.9%	4.43
Pembangunan Wilayah Kuala Lumpur memberi pengaruh dalam corak petempatan atau perumahan di sekitar kawasan Kampung Baru	-	3 2.2%	9 6.5%	52 37.7%	74 53.6%	4.43
Harga perumahan di sekitar kawasan Kampung Baru semakin meningkat.	-	2 1.4%	9 6.5%	49 35.5%	78 56.5%	4.47
Min Keseluruhan/ Sisihan Piawai Keseluruhan						4.47

### 3. Keselamatan

Kategori yang seterusnya dalam aspek sosial adalah kategori keselamatan. Mengikut Jadual 4.8 bagi kategori keselamatan menunjukkan min sebanyak 3.83. Pada pernyataan pertama kepelbagaian infrastruktur dan kemudahan dari segi keselamatan menjamin keharmonian kawasan setempat mencatatkan min sebanyak 4.60. Sebilangan besar responden Sangat Setuju pada pernyataan ini iaitu seramai 95 orang responden yang bersamaan dengan 68.8%. Pada skala Setuju dan Tidak Setuju pula mencatatkan jumlah bilangan responden dan peratusan sebanyak 35 orang responden (25.4%) dan 5 orang responden (3.6%). Terdapat segelintir responden yang memilih skala Tidak Setuju dan juga Sangat Tidak Setuju yang mencatatkan jumlah responden dan peratusan sebanyak 2 orang responden (1.4%) dan 1 orang responden (0.7). Kesimpulannya, infrastruktur dan kemudahan dari segi kesihatan yang dibangunkan di kawasan Kampung Baru jelas menyebabkan tahap keselamatan penduduk Kampung Baru semakin harmoni.

Bagi pernyataan yang seterusnya pula adalah Migrasi masuk akibat kemunculan kepelbagaian sektor ekonomi menyebabkan keselamatan kawasan persekitaran merosot mencatatkan nilai min sebanyak 4.44. Sebahagian besar responden Sangat Setuju dengan pernyataan ini iaitu seramai 85 orang responden yang mewakili 61.6%. Seterusnya pada skala Setuju dan Sederhana Setuju pula mencatatkan bilangan responden dan peratusan sebanyak 37 responden (26.8%) dan 8 responden (5.8%). Manakala terdapat segelintir responden yang memilih skala Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju yang mencatatkan bilangan responden dan jumlah peratusan sebanyak 4 responden (2.9%) dan 3 responden (2.2%). Kesimpulannya, melalui dapatan kajian pada pernyataan ini menunjukkan bahawa Migrasi masuk akibat kemunculan kepelbagaian sektor ekonomi menyebabkan keselamatan kawasan persekitaran merosot.

Selain itu, pada pernyataan berlakunya peningkatan kadar kes jenayah di kawasan persekitaran menunjukkan nilai min pada pernyataan ini sebanyak 1.96. Sebilangan besar responden di Kampung Baru Sangat Tidak Setuju dengan pernyataan ini iaitu seramai 73 orang responden yang bersamaan dengan 52.9%. Seterusnya pada skala Tidak Setuju dan Sederhana Setuju pula mencatatkan jumlah bilangan responden dan

peratusan sebanyak 35 responden (25.4%) dan 7 responden (5.1%). Manakala pada skala Setuju dan juga Sangat Setuju pula mencatatkan bilangan responden dan peratusan sebanyak 8 responden (5.8%) dan 15 responden (10.9%). Hasil analisis daripada pernyataan ini menunjukkan kadar jenayah di Kampung Baru masih dalam keadaan yang terkawal.

Akhir sekali pada kategori keselamatan pula adalah pernyataan kemasukan pekerja-pekerja asing dalam jumlah yang besar menyebabkan keharmonian dan keselesaan penduduk setempat tergugat mencatatkan jumlah min sebanyak 4.32. Pada pernyataan ini menunjukkan sebilangan besar responden penduduk Kampung Baru Sangat Setuju dengan pernyataan ini iaitu seramai 86 orang responden iaitu mencatatkan peratusan sebanyak 62.3%. Skala ini diikuti pula dengan pernyataan kedua tertinggi iaitu Setuju seramai 31 orang responden yang bersamaan dengan 22.5%. Seterusnya pada skala Sederhana Setuju, Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju pula mencatatkan bilangan responden dan peratusan yang sama iaitu seramai 7 orang responden yang mewakili 5.1%. Hasil dapatan daripada pernyataan ini jelas menunjukkan kemasukan pekerja asing di kawasan Kampung Baru jelas boleh menggugat keharmonian dan keselesaan penduduk Kampung Baru.

Nilai min yang tinggi dicatatkan pada kategori keselamatan iaitu bernilai 4.60 pada pernyataan kepelbagaian infrastruktur menjamin keharmonian. Pembangunan infrastruktur dilaksanakan bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kemudahan awam seperti komunikasi, pengangkutan, elektrik, bekalan air dan pembentungan ditumpukan kepada peningkatan keupayaan melalui pendekatan perancangan bersepadu bagi memastikan kemudahan yang diperlukan dapat diperolehi.

Jadual 3. Keselamatan

Perkara						Skor
	STS	TS	SS	S	SS	Min
Kepelbagaian infrastruktur dan kemudahan dari segi keselamatan menjamin keharmonian kawasan setempat.	1 0.7%	2 1.4%	5 3.6%	35 25.4%	95 68.8%	4.60
Migrasi masuk akibat kemunculan kepelbagaian sektor ekonomi menyebabkan keselamatan kawasan persekitaran merosot	3 2.2%	4 2.9%	8 5.8%	37 26.8%	85 61.6%	4.44
Berlakunya peningkatan kadar kes jenayah di kawasan persekitaran	73 52.9%	35 25.4%	7 5.1%	8 5.8%	15 10.9%	1.96
Kemasukan pekerja-pekerja asing dalam jumlah yang besar menyebabkan keharmonian dan keselesaan penduduk setempat tergugat.	7 5.1%	7 5.1%	7 5.1%	31 22.5%	86 62.3%	4.32
Min Keseluruhan/ Sisihan Piawai Keseluruhan						3.83

#### 4. Kesihatan

Selain itu, kategori kesihatan pula mencatatkan nilai min keseluruhan berjumlah 4.53 berdasarkan jadual 4.9. Pada pernyataan pertama kategori kesihatan adalah peningkatan kemudahan kesihatan di Wilayah Kuala Lumpur menyebabkan berlakunya peningkatan tahap kesihatan di Kampung Baru menunjukkan nilai min sebanyak 4.67. Pernyataan ini menunjukkan sebahagian besar responden penduduk Kampung Baru memilih skala Sangat Setuju iaitu seramai 100 responden yang bersamaan dengan 72.5%. Skala kedua tertinggi pula

dicatatkan pada skala Setuju iaitu seramai 33 responden yang mewakili 23.9% dan diikuti pula skala Sederhana Setuju yang mencatatkan 4 orang responden sahaja iaitu mewakili 2.9%. Terdapat hanya 1 orang responden sahaja yang memilih skala Sangat Tidak Setuju yang bersamaan dengan 0.7%. Namun pada skala Tidak Setuju pula tidak mencatatkan seorang responden pon pada skala ini. Kesimpulannya, jelas menunjukkan tahap kesihatan penduduk di Kampung Baru semakin meningkat kesan daripada peningkatan kemudahan kesihatan di Wilayah Kuala Lumpur.

Seterusnya, pada pernyataan kedua adalah terdapat banyak kemudahan kesihatan disediakan seperti hospital dan klinik dibangunkan di Kampung Baru mencatatkan nilai min sebanyak 4.45. Pada pernyataan ini mencatatkan skala paling tinggi dipilih adalah skala Sangat Setuju iaitu seramai 81 orang responden yang mewakili 58.7% dan diikuti pula pada skala yang kedua iaitu skala Setuju yang mencatatkan bilangan responden seramai 48 orang dan peratusan sebanyak 34.8%. Skala yang paling rendah pula dicatatkan pada skala Sederhana Setuju iaitu hanya 2 orang responden sahaja yang memilih skala ini iaitu bersamaan dengan 1.4%. Hasil daripada dapatan pada pernyataan ini menunjukkan bahawa di Kampung baru terdapat banyak kemudahan kesihatan yang dibina seperti klinik.

Bagi pernyataan seterusnya pula adalah pernyataan masyarakat Kampung Baru mudah untuk mendapatkan kemudahan kesihatan doktor pakar mencatatkan nilai min sebanyak 4.62. Dapat dilihat bahawa sebilangan besar responden memilih skala Sangat Setuju iaitu seramai 94 orang responden yang bersamaan dengan 68.1%. Selain itu, pada skala seterusnya pula adalah skala Setuju dan juga Sederhana Setuju mencatatkan jumlah responden dan peratusan sebanyak 38 responden (27.5%) dan 4 responden (2.9%). Manakala pada skala Tidak Setuju dan juga Sangat Tidak Setuju pula mencatatkan nilai yang sama iaitu hanya 1 orang responden sahaja yang bersamaan dengan 0.7%. Hasil dapatan kajian menunjukkan pembangunan pesat di Wilayah Kuala Lumpur banyak menyediakan kemudahan kesihatan yang banyak memberi manfaat kepada penduduk Kampung Baru.

Bagi pernyataan selanjutnya pula adalah pernyataan Kemajuan infrastruktur di kawasan Wilayah Kuala Lumpur meningkatkan kemudahsampaian masyarakat Kampung Baru kepada kemudahan kesihatan sekitar mencatatkan nilai min sebanyak 4.70. Pada pernyataan ini menunjukkan hampir kesemua responden memilih skala Sangat Setuju iaitu seramai 103 responden yang mewakili 74.6% dan diikuti pula skala kedua yang tertinggi iaitu skala Setuju yang mencatatkan jumlah bilangan responden seramai 32 orang iaitu bersamaan 23.2%. Terdapat segelintir responden yang memilih skala Sederhana Setuju dan Sangat Tidak Setuju iaitu seramai 1 responden (0.7%) dan 2 responden (1.4%). Namun pada skala Tidak Setuju menunjukkan tiada responden yang memilih skala ini. Kesimpulannya, daripada hasil kajian pada pernyataan ini menunjukkan perancangan pembangunan Wilayah Kuala Lumpur ini adalah bersifat holistik yang menjangkakan pelbagai perkara dan keperluan masyarakat sekitar lebih-lebih lagi masyarakat Gelang Patah.

Pada pernyataan terakhir pula adalah peningkatan aliran masuk pekerja asing menyebabkan berlakunya kemerosotan kesihatan bagi masyarakat Kampung Baru disebabkan oleh kebersihan yang kurang terjamin. Pada pernyataan ini menunjukkan nilai min sebanyak 4.25. Sebahagian besar responden Sangat Setuju dengan pernyataan ini iaitu seramai 74 orang responden yang bersamaan dengan 53.6%. Selain itu, pada pernyataan Setuju dan Sederhana Setuju pula mencatatkan jumlah responden dan peratusan sebanyak 42 responden (30.4%) dan 8 responden (5.8%). Manakala pada skala Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju pula mencatatkan bilangan responden dan peratusan sebanyak 4 responden (8%) dan 8 responden (5.8%). Oleh hal yang demikian jelas menunjukkan pekerja asing yang masuk di Kampung Baru masih membawa budaya yang kurang menjaga kebersihan dari negara mereka berasal.

Nilai min pada kategori kesihatan mencatatkan nilai min yang tinggi pada pernyataan kemajuan infrastruktur meningkatkan kemudahsampaian ke kemudahan kesihatan iaitu skor min sebanyak 4.70. Umum mengetahui bahawa perancang perlulah menitikberatkan aspek sosial iaitu kesihatan sekiranya pembangunan hendak dilakukan. Jelas sekali daripada analisis dapatan kajian, pembangunan yang dijalankan di Wilayah Kuala Lumpur menitikberatkan aspek sosial kesihatan penduduk. Katiman et al. (2010) menyatakan bahawa tahap kemudah sampaian dalam penggunaan perkhidmatan asas adalah tinggi bagi masyarakat di zon pinggir WML Lembah Klang. Kemudahan daripada aspek prasarana jelas sekali dapat menyumbangkan kepada aspek kesihatan seperti penambahbaikan jalan raya.

Jadual 4. Kesihatan

Perkara	STS	TS	SS	S	SS	Skor Min
Peningkatan kemudahan kesihatan di Wilayah Kuala Lumpur menyebabkan berlakunya peningkatan tahap kesihatan di Kampung Baru	1 0.7%	-	4 2.9%	33 23.9%	100 72.5%	4.67
Terdapat banyak kemudahan kesihatan disediakan seperti hospital dan klinik dibangunkan di Kampung Baru	3 2.2%	4 2.9%	2 1.4%	48 34.8%	81 58.7%	4.45
Masyarakat Kampung Baru mudah untuk mendapatkan kemudahan kesihatan doktor pakar	1 0.7%	1 0.7%	4 2.9%	38 27.5%	94 68.1%	4.62
Kemajuan infrastruktur di kawasan Wilayah Kuala Lumpur meningkatkan kemudahsampaian masyarakat Kampung Baru kepada kemudahan kesihatan sekitar.	2 1.4%	-	1 0.7%	32 23.2%	103 74.6%	4.70
Peningkatan aliran masuk perkerja asing menyebabkan berlakunya kemerosotan kesihatan bagi masyarakat Kampung Baru disebabkan oleh kebersihan yang kurang terjamin	8 5.8%	4 8%	8 5.8%	42 30.4%	74 53.6%	4.25
Min Keseluruhan/ Sisihan Piawaian Keseluruhan						4.53

## 5. Pendapatan

Seterusnya adalah kategori bagi pendapatan menunjukkan nilai keseluruhan min sebanyak 4.54. Pada pernyataan pertama pada kategori pendapatan adalah transformasi perubahan bandar menyebabkan berlakunya peningkatan dalam jumlah pendapatan bagi masyarakat Kampung Baru mencatatkan nilai min berjumlah 4.64. Skala yang paling banyak dipilih oleh responden adalah pada skala Sangat Setuju iaitu seramai 98 orang responden yang bersamaan dengan 71.0%. Kemudian diikuti pula skala yang kedua tertinggi iaitu skala Setuju seramai 31 orang responden yang mewakili 22.5%. Terdapat sebilangan kecil responden yang memilih pada skala Sederhana Setuju iaitu hanya 9 orang responden sahaja yang bersamaan dengan (6.5%). Namun tiada

responden yang dicatatkan pada skala Tidak Setuju dan juga Sangat Tidak Setuju. Melalui dapatan kajian pada pernyataan ini jelas dapat disimpulkan bahawa pembangunan pesat di Wilayah Kuala Lumpur menyebabkan peningkatan dalam jumlah pendapatan hasil daripada peningkatan jumlah pekerjaan di Wilayah Kuala Lumpur.

Pada pernyataan kedua pula adalah pembangunan Wilayah Kuala Lumpur di kawasan ini menyebabkan berlakunya peningkatan harga barang dan perkhidmatan di kawasan ini mencatatkan nilai min sebanyak 4.45. Sebahagian besar responden Sangat Setuju dengan pernyataan ini seramai 74 orang responden iaitu mewakili 53.6%. Kemudian diikuti pula pada skala kedua yang tertinggi iaitu seramai 55 orang responden yang bersamaan dengan 39.9%. Manakala pada skala Sederhana Setuju dan Tidak setuju mencatatkan bilangan responden dan peratusan sebanyak 3 orang responden (2.2%) dan 5 orang responden (3.6%). Tiada responden yang dicatatkan pada skala Sangat Tidak Setuju. Oleh hal yang demikian jelas menunjukkan bahawa

Pada pernyataan seterusnya pula adalah jumlah perbelanjaan isi rumah di kawasan Wilayah Kuala Lumpur semakin meningkat. Pada pernyataan ini mencatatkan nilai min sebanyak 4.56. Sebilangan besar responden Sangat Setuju dengan pernyataan ini iaitu seramai 92 orang responden iaitu bersamaan dengan 66.7%. Seterusnya pada skala Setuju dan Sederhana Setuju pula mencatatkan bilangan responden dan peratusan sebanyak 39 orang responden (28.3%) dan 2 orang responden (1.4%). Manakala pada skala Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju pula mencatatkan bilangan responden dan peratusan sebanyak 2 orang responden (1.4%) dan 3 orang responden (2.2%). Kesimpulannya, pembangunan pesat di Wilayah Kuala Lumpur menyebabkan harga barangan semakin meningkat dan akan mengakibatkan perbelanjaan isi rumah turut meningkat juga.

Akhir sekali, adalah pernyataan jumlah pendapatan yang disediakan pada pekerjaan-pekerjaan pada hari ini adalah mencukupi bagi menampung perbelanjaan harian di kawasan Kampung Baru menunjukkan jumlah min sebanyak 4.51. Pada pernyataan ini menunjukkan sebahagian besar responden memilih skala Sangat Setuju iaitu seramai 90 orang responden yang mewakili 65.2%. Seterusnya, skala kedua yang tertinggi adalah skala Setuju iaitu seramai 37 orang responden yang bersamaan dengan 26.8%. Namun terdapat hanya 1 orang responden sahaja yang memilih pada skala Sangat Tidak Setuju iaitu bersamaan dengan 0.7%. Hasil analisis daripada pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa pendapatan yang diperolehi pada masa kini adalah cukup bagi perbelanjaan harian di rumah, namun terdapat ramai juga responden yang menyatakan bahawa perbelanjaan yang semakin meningkat semakin banyak membebankan hidup mereka di kawasan Gelang Patah ini.

Pada kategori pendapatan pula menunjukkan nilai min tertinggi dicatatkan sebanyak 4.64 pada pernyataan perubahan bandar menyebabkan peningkatan pendapatan. Oleh hal yang demikian, menunjukkan bahawa pembangunan Wilayah Kampung Baru mempengaruhi jumlah pendapatan penduduk Kampung Baru. Pembangunan yang berlaku menyebabkan penawaran terhadap pekerjaan meningkat. Menurut Nurasyikin Miskam et al. (2017) perubahan struktur ekonomi menyebabkan berlaku perubahan ekonomi dengan penawaran peluang pekerjaan. Malah, kesan sosioekonomi seperti yang dilihat pada peningkatan pendapatan memang tidak dapat dipertikaikan lagi.

Jadual 5. Pendapatan

Perkara	STS	TS	SS	S	SS	M
Transformasi perubahan bandar me-nyebabkan berlakunya peningkatan dalam jumlah pendapatan bagi masyarakat Kampung Baru.	-	-	9 6.5%	31 22.5%	98 71.0%	4.64
Pembangunan Wilayah Kuala Lumpur di kawasan ini menyebabkan berlakunya peningkatan harga barang dan perkhidmatan di kawasan ini	-	5 3.6%	3 2.2%	55 39.9%	74 53.6%	4.45
Jumlah perbelanjaan isi rumah di kawasan Wilayah Kuala Lumpur semakin meningkat.	3 2.2%	2 1.4%	2 1.4%	39 28.3%	92 66.7%	4.56
Jumlah pendapatan yang disediakan pada pekerjaan-pekerjaan pada hari ini adalah mencukupi bagi menampung perbelanjaan harian di kawasan Kampung Baru	1 0.7%	6 4.3%	4 2.9%	37 26.8%	90 65.2%	4.51
Min Keseluruhan/ Sisihan Piawaian Keseluruhan						4.54

## 6. Pekerjaan

Kategori yang terakhir sekali adalah kategori untuk pekerjaan. Pada kategori pekerjaan mencatatkan nilai min keseluruhan berjumlah 4.55. Pada pernyataan pertama adalah pembangunan Wilayah Kuala Lumpur meningkatkan perkembangan sektor ekonomi di kawasan Kampung Baru mencatatkan nilai min berjumlah 4.67. Hampir keseluruhan responden Sangat Setuju dengan pernyataan ini iaitu seramai 103 orang responden yang bersamaan dengan 74.6%. Skala kedua tertinggi ditunjukkan pada skala Setuju iaitu seramai 28 orang responden yang mewakili 20.3%. Manakala pada skala Sederhana Setuju dan Tidak Setuju pula mencatatkan jumlah responden dan peratusan sebanyak 4 orang responden (2.9%) dan 3 orang responden (2.2%). Namun tiada responden dicatatkan pada skala Sangat Tidak Setuju. Kesimpulannya pembangunan Wilayah Kuala Lumpur sememangnya dapat meningkatkan perkembangan sektor ekonomi di kawasan Kampung Baru seperti perniagaan dan perkhidmatan.

Seterusnya pada pernyataan mewujudkan kepelbagaian sektor ekonomi di sekitar Kampung Baru seperti perniagaan dan perkhidmatan mencatatkan nilai min sebanyak 4.60. Pada pernyataan ini menunjukkan sebilangan besar responden Sangat Setuju pada aspek ini iaitu seramai 88 orang responden yang mewakili 63.8% dan diikuti pula pada skala yang berikutnya iaitu skala Setuju dan Sederhana setuju. Pada skala Setuju dan Sederhana Setuju mencatatkan nilai bilangan responden seramai 45 orang responden (32.6%) dan 5 orang (3.6%). Seterusnya pada skala Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju pula tidak mencatatkan sebarang responden pada skala ini. Hasil analisis ini dapat dilihat bahawa pembangunan pesat di Wilayah Kuala Lumpur menyebabkan sektor ekonomi perniagaan dan perkhidmatan banyak dijalankan di Kampung Baru.

Selain itu, pada pernyataan jumlah pekerjaan masyarakat Kampung Baru semakin meningkat akibat daripada pembangunan pesat Wilayah Kuala Lumpur mencatatkan nilai min sebanyak 4.51. Bagi pernyataan

ini menunjukkan sebahagian besar responden Sangat Setuju dengan pernyataan ini iaitu seramai 77 orang responden yang mewakili 55.8%. Seterusnya, skala kedua tertinggi pula adalah skala Setuju iaitu seramai 55 yang bersamaan dengan 39.9%. Selanjutnya, pada pernyataan Sederhana Setuju dan Tidak Setuju pula mencatatkan bilangan responden sebanyak 5 orang responden (3.6%) dan 1 orang responden (0.7%). Namun, tiada responden yang dicatatkan pada skala Sangat Tidak Setuju. Hasil dapatan kajian pada pernyataan ini jelas menunjukkan perkembangan sektor ekonomi di kawasan Kampung Baru hasil daripada pembangunan Wilayah Iskandar mempertingkatkan lagi jumlah pekerjaan yang pelbagai.

Pada pernyataan berikutnya adalah pernyataan pembangunan pesat di Wilayah Kuala Lumpur mewujudkan banyak peluang pekerjaan dalam bidang perniagaan mencatatkan min sebanyak 4.53. Pada pernyataan ini menunjukkan skala yang paling banyak dipilih adalah pada skala Sangat Setuju iaitu seramai 78 orang responden dan mencatatkan peratusan sebanyak 56.5%. Skala kedua tertinggi pula dicatatkan pada skala Setuju iaitu seramai 47 orang responden yang mewakili 34.1%. Terdapat segelintir responden yang memilih skala Sederhana Setuju dan Sangat Tidak Setuju yang mencatatkan bilangan dan peratusan sebanyak 9 orang responden (6.5%) dan 2 orang responden (1.4%). Namun pada skala Tidak Setuju menunjukkan tiada responden yang memilih pada skala ini. Oleh hal yang demikian, Pembangunan pesat di Wilayah Kuala Lumpur mewujudkan banyak peluang pekerjaan dalam bidang perniagaan.

Akhir sekali adalah pernyataan pembangunan Wilayah Kuala Lumpur menyebabkan berlakunya peningkatan peluang pekerjaan dari sudut perkhidmatan dan servis bagi masyarakat Kampung Baru yang mencatatkan skor min sebanyak 4.47. Pada pernyataan ini menunjukkan sebilangan besar responden Sangat Setuju iaitu seramai 80 orang responden yang bersamaan dengan 58%. Seterusnya pada skala Setuju dan Sederhana Setuju pula mencatatkan bilangan responden dan peratusan sebanyak 47 orang responden (34.1%) dan 9 orang responden (6.5%). Terdapat hanya 2 orang responden sahaja yang memilih skala Sangat Tidak Setuju yang bersamaan dengan 1.4%. Namun tiada responden yang dicatatkan pada skala Tidak Setuju.

Analisis kajian yang terakhir pada kategori pekerjaan mencatatkan skor min yang tinggi pada pernyataan pembangunan meningkatkan sektor ekonomi sebanyak 4.67 jelas menunjukkan bahawa pembangunan yang berlaku memberikan impak rebakan terhadap masyarakat di Kampung Baru. Wujud kepelbagaian sektor ekonomi yang dibangunkan seperti perniagaan, pendidikan, kesihatan, perkhidmatan dan pelbagai lagi yang mampu menyediakan pelbagai jenis pekerjaan. Oleh itu, penawaran peluang pekerjaan dapat meningkatkan taraf dan kualiti hidup masyarakat setempat di Kampung Baru. Pembangunan yang selanjutnya membawa kepada perubahan fungsi bandar akan menjana pertumbuhan ekonomi setempat dan membangunkan kawasan sekitarnya (Shaharudin et al. 2013).

Jadual 6. Pekerjaan

Perkara	STS	TS	SS	S	SS	Skor Min
Pembangunan Wilayah Kuala Lumpur meningkatkan perkembangan sektor ekonomi di kawasan Kampung Baru.	-	3 2.2%	4 2.9%	28 20.3%	103 74.6%	4.67
Mewujudkan kepelbagaian sektor ekonomi di sekitar Kampung Baru seperti perniagaan dan perkhidmatan	-	-	5 3.6%	45 32.6%	88 63.8%	4.60



Jumlah pekerjaan masyarakat Kampung Baru semakin meningkat akibat daripada pembangunan pesat Wilayah Kuala Lumpur	-	1	5	55	77	4.51
		0.7%	3.6%	39.9%	55.8%	
Pembangunan pesat di Wilayah Kuala Lumpur mewujudkan banyak peluang pekerjaan dalam bidang perniagaan.	-	2	2	55	78	4.53
		1.4%	1.4%	39.9%	56.5	
Pembangunan Wilayah Kuala Lumpur menyebabkan berlakunya peningkatan peluang pekerjaan dari sudut perkhidmatan dan servis bagi masyarakat Kampung Baru	2	-	9	47	80	4.47
	1.4%		6.5%	34.1%	58.0%	
Min Keseluruhan/ Sisihan Piawaian Keseluruhan						4.55

### Kesimpulan

Berdasarkan hasil analisis kajian menunjukkan bahawa pembangunan yang dijalankan di Wilayah Kuala Lumpur memberi banyak impak positif bukan sahaja pada aspek sosial, malah aspek ekonomi juga memberikan banyak impak positif kepada penduduk Kampung Baru hasil daripada kesan pembangunan. Di harapkan pembangunan yang dibangunkan di Kampung Baru mampu memberikan manfaat yang berterusan kepada penduduk di Kampung Baru dan penduduk di Kampung Baru haruslah bijak mengambil peluang atau kelebihan daripada pembangunan di Wilayah Kuala Lumpur. Projek pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan sememangnya dapat memberikan kesan sama ada kesan positif mahupun kesan negatif. Pembangunan pesat pada sesuatu wilayah memberi kesan limpahan pembangunan dalam bentuk penyerakan aktiviti guna tanah bandar atau 'urban overspill' ke kawasan petempatan luar bandar iaitu di kampung. Apabila berlaku pembangunan pesat ke luar melebihi sempadan bandar yang ditentukan, ia akan menyebabkan berlakunya impak limpahan pembangunan di kawasan sekitarnya. Hal ini akan mengakibatkan berlaku zon peralihan yang bertukar kepada ciri-ciri bandar dalam aspek fizikal dan juga bukan fizikal. Bandar-bandar besar di negara yang sedang membangun seperti Malaysia, berlaku limpahan pembandaran dalam wilayah metropolitan.

**Penghargaan:** Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak yang terlibat atas sokongan dalam penyelidikan ini khususnya penduduk di kawasan sekitar Kampung Baru, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

### Rujukan

- Aki @ Zaki, A., Er, A.C., & Siwar, C. (2015). Penanaman sawit lestari dan impak sosioekonomi. *Journal of social Sciences and Humanities* 10(1):57-80.
- Anuar Amir. (2006). *Impak Limpahan Pembandaran Ke Atas Kampung Pinggir Bandar Di Wilayah Metropolitan*. Tesis Doktor. Falsafah, Fakulti Alam Bina. Universiti Teknologi Malaysia
- Erreygers, G. (2012). A Dual Atkinson Measure of Socioeconomic Inequality Of Health. *Health Economics*, 22(4), 466-479.
- Frishchmann, B. M. (2006). *An economic theory of infrastructure and commons management*. American Law and Economics Association Annual Meetings. Atas talian pada 27 Disember 2010.

<http://web.ebscohost.com.eserv.uum.edu.my/ehost/pdfviewer/pdfviewer?hid=14&sid=e637b24cecf5-491d-b2c3-2f1796b02838%40sessionmgr11&vid=6>.

- Holt, A. S. J. (2005). *Principles of construction safety*. Oxford: Blackwell science
- Ismail, Omar. (1999). *Perumahan: Teori, Polisi, dan Amalan*. Monograf Tidak Diterbitkan. Skudai, Johor: Jabatan Pentadbiran dan Pembangunan Tanah. Universiti Teknologi Malaysia.
- Katiman Rostam, Mochamad Rosul, Er Ah Choy, Abdul Rahim Mohd Nor, Zaini Sakawi, Norazuan Md Hashim & Aishah@Esah Hj Muhammad. (2010). Pemandaran dan rebakan bandar di pinggir Wilayah Metropolitan Klang-Langat. *Malaysian Journal of Society and Space* 6 issue 2 (37 - 50)
- Khofizhoah Mohd Karima, Zuraida Mohamad Nizarb, Sezali Md Daritc & Mohd Fo'ad Sakdand. (2019). Impak Pembangunan Terhadap Masyarakat di Pantai Chenang, Pulau Langkawi. *Jurnal Teknologi*, 11:2-2, 65–72
- Md Safian Mohd Tajuddin. (2007). *Kesan Aspek Kesihatan Terhadap Produktiviti Kerja Dalam Kalangan Pensyarah Maktab Perguruan*. Tesis Dr. Fal. Ijazah Sarjana Pendidikan, Universiti Sains Malaysia
- Noraniza Yusoff, Azlizan Talib & Yusuf Pon. (2011). Impak Pembangunan Infrastruktur ke atas Pembangunan Komuniti Penduduk di Daerah Pendang dan Kubang Pasu, Kedah Darul Aman. Malaysia. *JGD – Journal of Governance and Development*. Vol.7, (16 - 36).
- Nor Suhaily Bakar, Uyun Naim Muhamad Yusri, Nuzul Akhtar Baharudin, Nor Fadilah Bahari & Shuhaimi Jaafar. (2018). Tahap Kesedaran Pekerja Terhadap Keselamatan dan Kesihatan di Amsteel Mill Sdn. Bhd. *Proceeding of the 5th International Conference on Management and Muamalah*. 66-74
- Nurasyikin Miskam & Haryati Shafii. (2013). *Transformasi Pembangunan Luar Bandar: Kesan Ke Atas Kesejahteraan Hidup Masyarakat*. *Persidangan Geografi & Alam Sekitar*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Raudhiah, N., Nakiah, S., & Hashim, A. (2015). Faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran pekerja terhadap amalan keselamatan pekerjaan: kajian kes di sebuah syarikat logistik. *Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah*, 210–220.
- Rosniza Aznie Che Rose, Nurul Fatimah Jusoh, Rosmiza, M.Z., Lyndon, N., & Mokhtar, J. (2015). Perkembangan dan cabaran sektor perniagaan sebagai pemangkin pembangunan bandar kecil: Kajian empirikal di Daerah Besut, Terengganu. *Malaysian Journal of Society and Space* 11(8): 1-12
- Samruhaizad Samian @ Samion, Jamaluddin Md. Jahi & Azahan A Wang. (2014). Isu Perbandaran dan Kualiti Hidup Penduduk Pinggir Bandar. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 2(1), 63 - 75
- Shaharudin Idrus, Abdul Samad Hadi, Abdul Hadi Harman Shah & Ruslan Rainis. (2013). Pemandaran di Malaysia: Peralihan Daripada Kefungsian Hierarki Kepada Kefungsian Berasaskan Jaringan. *Jurnal Perspektif*. 5(2), 45-59
- Stapa, Z., Ahmad Munawar I., & Noranizah, Y. (2012). Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari: An International Journal*, (S), 155-172
- Winters-Miner, L. A., Bolding, P. S., Hilbe, J. M., Goldstein, M., Hill, T., Nisbet, R., Miner, G. D. (2015). *Practical Predictive Analytics and Decisioning Systems for Medicine*. Orlando: Academic Press, Inc
- WHO [World Health Organization]. (2001). *Komisi WHO mengenai Kesihatan dan Lingkungan*. Kuala Lumpur: Penerbit WHO, Terjemahan
- Zainol Hasan, Mahyudi. (2020). Analisis terhadap Pemikiran Ekonomi Kapitalisme . *Istidlal: Jurnal Ekonomi dan Hukum Islam*. Volume 4, Nomor 1, April 2020. DOI: 10.35316/istidlal.v4i1.206.